



DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

ATURAN URUSAN MESYUARAT

**PERSIDANGAN HARI KEDUA
MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEMBILAN BELAS
SELASA, 12 MEI 2026
JAM 9.00 PAGI**

- 1. Bacaan Doa.**
- 2. Pemasyhuran Daripada Tuan Speaker.**
- 3. Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan-jawapan Lisan.**

1. YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 DARO)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat

Pada tahun 2026, Kerajaan Sarawak telah melaksanakan Skim Pendidikan Tertiar Percuma (Free Tertiary Education Scheme, FTES). Berapakah jumlah pelajar yang telah menerima manfaat daripada skim tersebut setakat ini, serta apakah pecahan jumlah tersebut mengikut empat (4) institusi pengajian tinggi milik Kerajaan Sarawak?

2. YB ENCIK AWLA BIN DRIS (N.25 SIMUNJAN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Apakah langkah segera dan jangka panjang bagi menangani isu kolam takungan Loji Rawatan Air Simunjan yang sering berada pada paras kritikal sehingga menyebabkan catuan air, dan adakah cadangan memperdalamkan kolam takungan dipertimbangkan?

3. YB DATO IR. LO KHERE CHIANG (N.13 BATU KITANG)

To ask the Minister for Natural Resources and Urban Development

What is the current status of the issuance of strata titles for Taman Flora Indah at Arang Road in N. 13 Batu Kitang?

4. YB DATO HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR (N.29 BETING MARO)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Memandangkan kenaikan kos input pertanian yang membebankan petani, apakah perancangan kerajaan untuk mengurangkan kos input pertanian terutama baja dan makanan ternakan? Adakah kerajaan bercadang meningkatkan pemberian subsidi input pertanian terutamanya kepada petani?

5. YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Apakah status pelan Transformasi Mahkamah Bumiputera agar ianya setaraf dengan Mahkamah Sivil dan Syariah?

6. YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)

To ask Minister for Energy and Environmental Sustainability

The current outlook of Sarawak 's drive to transform the State into a clean hydrogen energy powerhouse and the progress in securing long-term international offtake agreements for our hydrogen outputs.

7. YB ENCIK JOHNNY PANG LEONG MING (N.68 TANJONG BATU)

To ask the Minister for Women, Early Childhood and Community Wellbeing Development

With an ageing population in Bintulu, are there plans to establish elderly day care or recreational centres to better support senior citizens' wellbeing?

8. YB ENCIK KENNEDY CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Apakah langkah dan perancangan strategik kerajaan dalam memperkasa pembangunan pelabuhan di Sarawak?

9. YB ENCIK AZIZUL ANNUAR BIN PEHIN SRI HAJI ADENAN (N.3 TANJONG DATU)

Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan

Bagaimanakah Kementerian menyokong penglibatan komuniti dalam menukarkan naratif warisan tempatan kepada produk industri kreatif yang mampan?

10. YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN DURI (N.38 KALAKA)

Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Adakah pihak Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan untuk membina sebuah Klinik Kesihatan baharu di Saratok (KK3) bagi mengurangkan kesesakan pesakit luar di Hospital Saratok, serta menambah bilangan pegawai perubatan pakar agar pesakit tidak perlu dirujuk jauh ke Sarikei, Sibu atau Kuching?

11. YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)

To ask the Minister for International Trade, Industry and Investment

Can the Ministry provide the latest updates on the development and progress of Anjung Usahawan Meradong?

12. YB ENCIK YAP YAU SIN (N.12 KOTA SENTOSA)

To ask the Minister for Transport

What efforts are being made to make domestic air travel more affordable?

13. YB ENCIK CHIENG JIN EK (N.51 BUKIT ASSEK)

To ask the Minister for Youth, Sports and Entrepreneur Development

For the 2027 SEA Games in Malaysia, how is preparation progressing for Sarawak-hosted events, and what actions address maintenance issues and reopening timeline of Sibu Bukit Lima Swimming Pool?

14. YB DATO MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)

To ask Minister for Utility and Telecommunication

How many EV charging stations are available throughout Sarawak?

15. YB ENCIK FRIDAY ANAK BELIK (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Apakah perkembangan terkini pembinaan Pusat Kanser Sarawak? Secara purata, berapa lamakah seseorang pesakit kanser yang telah didiagnos dan disahkan mengidap kanser diberi rawatan seterusnya seperti radioterapi atau kemoterapi?

16. YB ENCIK ABDUL YAKUB BIN HAJI ARBI (N.58 BALINGIAN)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Apakah perancangan Kementerian untuk Transformasi Taman Kekal Pertanian di Mateding/ Penipah kepada Commercial Agrotourism Park? Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan kawasan Jelapang Padi (Paddy Park) di Balingian?

17. YB DATO SRI WONG SOON KOH (N.53 BAWANG ASSAN)

To ask the Minister for Education, Innovation and Talent Development

What strategies are being implemented to address brain drain among Sarawakian students and professionals, and how is the State strengthening higher education institutions to retain local talent?

18. YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Apakah status terkini Projek Bina Baru Jalan dari Rumah Dian, Ng. Menalun ke Rh. Uchau, Ng Penanggoh, Ulu Poi Kanowit dan status terkini Projek Bina Baru Jalan Dari Nanga Jerangku ke Rumah Panjang Lajang, Ulu Machan?

19. YB DATUK MONG ANAK DAGANG (N.31 BUKIT BEGUNAN)

To ask the Premier of Sarawak

What is the effect of conflict in the Middle East on the State Economy?

20. YB DATO PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

a) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk melaksanakan projek bekalan air bersih ke klinik, sekolah dan rumah-rumah panjang di sepanjang jalan ke kawasan Ulu Lubai?

b) Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan?

21. YB DATO ROLLAND DUAT ANAK JUBIN (N.48 MELUAN)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Berapakah bantuan seperti pinjaman dana yang telah diluluskan oleh Sarawak Land Development Board (SLDB) untuk usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera sama ada pinjaman dana tersebut disalurkan secara individu ataupun melalui syarikat?

22. YB ENCIK ROYSTON BIN VALENTINE (N.57 TELLIAN)

Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Apakah Status terkini pelaksanaan Projek Rumah Spektra Permata (RSP) dibawah HDC dan Skim pinjaman Rumah Panjang (PKPRP) di kawasan DUN Tellian, termasuk jumlah permohonan yang telah diluluskan, sedang diproses dan yang telah siap sepenuhnya?

23. YB ENCIK BARU BIAN (N.81 BA'KELALAN)

To ask the Minister for Education, Innovation and Talent Development

How does the State Government monitor academic achievements of students admitted to state-owned tertiary education institutions under the Free Tertiary Education Scheme to ensure the funding is an investment for the state and does not become a sunk cost?

24. YB ENCIK NICHOLAS KUDI ANAK JANTAI (N.64 BALEH)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Apakah perancangan kerajaan untuk mengambil alih serta membaikpulih jalan Jiwa Murni di kawasan Baleh, khususnya laluan antara Oyan dan Merit yang kini dilihat berbahaya serta tidak selamat digunakan?

25. YB DATO SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Apakah usaha Kerajaan dalam membekalkan air terawat ke kawasan Sungai Mawang dan Sungai Kuap di Ulu Sungai Rusa, Sarikei yang melibatkan lapan buah rumah panjang serta sebuah gereja yang masih belum menikmati perkhidmatan tersebut?

26. YB ENCIK ADAM YII SIEW SANG (N.74 PUJUT)

To ask the Minister for Tourism, Creative Industry and Performing Arts

With the expansion of international flight connectivity to Sarawak, including new routes from China, what comprehensive strategy has the Ministry implemented to ensure that these routes translate into sustained growth in inbound tourism and tangible economic benefits for Sarawak?

27. YB DR SIMON SINANG @ SINANG ANAK BADA (N.21 TEBEDU)

Bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar

Penyukatan Tanah di bawah seksyen 18 telah dilaksanakan oleh DBNA dengan kerjasama dan nasihat Jabatan Tanah Dan Survei di beberapa buah kampung di kawasan DUN N21 Tebedu. Bilakah geran tanah yang disukat di bawah inisiatif DBNA dikeluarkan?

28. YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Apakah perkembangan terkini penanaman semula kelapa sawit yang sedang diusahakan oleh pihak SALCRA di kawasan DUN Bukit Semuja?

29. YB ENCIK ANYI ANAK JANA (N.49 NGEMAH)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Apakah kaedah Kerajaan Sarawak bagi melicinkan pelaksanaan inisiatif subsidi petrol dan diesel di kawasan luar bandar khususnya bagi pemilik enjin sangkut dan kenderaan pacuan empat roda yang merupakan keperluan bagi penduduk luar bandar?

30. YB DATO FAZZRUDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN (N.6 TUPONG)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat

Berapakah peruntukan bagi makanan seorang pelajar di Sekolah Sukan Tabuan Jaya dan perbandingan dengan sekolah asrama yang lain?

31. YB IR. CHRISTOPHER GIRA @ GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Adakah Sarawak bersedia mengambil alih kawalan penuh industri minyak dan gas melalui PETROS, dan sejauh mana rundingan membolehkan kawalan operasi dilaksanakan sepenuhnya oleh negeri?

32. YB ENCIK BILLY ANAK SUJANG (N.1 OPAR)

Bertanya kepada Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Penduduk di kawasan Jalan Biawak sering bertanya bilakah agaknya pembinaan Klinik Biawak akan dilaksanakan?

33. YB ENCIK JOHN ANAK ILUS (N.23 BUKIT SEMUJA)

Bertanya kepada Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar

Berapakah jumlah keluasan tanah dan lot tanah NCR yang telah diukur dan telan diberi geran di kawasan DUN Bukit Semuja dan apakah pendekatan yang Kementerian ambil untuk mempercepatkan lot-lot yang telah didokumentasi melalui DBNA yang masih belum diukur dan diberi geran?

34. YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN DURI (N.38 KALAKA)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Adakah pihak Kerajaan Negeri dapat menyatakan status terkini, peruntukan serta tarikh jangka siap bagi projek naik taraf jalan dan jambatan di DUN Kalaka, khususnya di kawasan luar bandar yang masih berdepan masalah akses?

35. YB ENCIK SAFIEE BIN HAJI AHMAD (N.43 DARO)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Sejauh manakah konflik yang berterusan di Asia Barat memberi kesan kepada ekonomi Sarawak, khususnya dari segi rantai bekalan, kos import, kestabilan harga komoditi serta kos sara hidup, dan apakah tindakan, langkah strategik serta inisiatif mitigasi yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Sarawak bagi menangani serta meminimumkan impak tersebut?

36. YB DATO IR. LO KHERE CHIANG (N.13 BATU KITANG)

To ask the Minister for Transport

Given Sarawak's commitment to positioning itself as a leader in the hydrogen economy, whether the Autonomous Rapid Transit (ART) system remains aligned with this vision by continuing to utilise hydrogen as its primary fuel source?

37. YB DATUK DING KUONG HIING (N.46 MERADONG)

To ask the Minister for Education, Innovation and Talent Development

Does the Ministry have any plans to establish activity or vocational centres to support Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) students after they leave school at the age of 18, particularly those who have acquired practical skills such as bakery?

38. YB DATO SRI WONG SOON KOH (N.53 BAWANG ASSAN)

To ask the Minister for Natural Resources and Urban Development

In reference to the Bukit Assek Redevelopment Master Plan, kindly inform this August House when implementation is expected to commence and the projected timeline for completion.

39. YB DATO SRI HUANG TIONG SII (N.45 REPOK)

To ask the Minister for Infrastructure and Port Development

What plans does the Government have to install solar street lighting along Jakan Jakar and Jalan Kin San to improve public safety and meet the needs of the growing community?

40. YB ENCIK FRIDAY ANAK BELIK (N.39 KRIAN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Berapakah keluasan kawasan yang dijadikan Water Catchment Area untuk Loji Rawatan Air Terawat di Lichok? Adakah Environmental Impact Assessment (EIA) Study pernah dibuat dikawasan berkenaan? Bilakah kerja-kerja menggantikan paip lama untuk kawasan Saratok akan dimulakan?

41. YB DATO MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)

To ask the Premier of Sarawak

Why do essential goods in Sarawak consistently cost higher than in Peninsular Malaysia, despite being part of the same national market?

42. YB ENCIK WILSON NYABONG ANAK IJANG (N.61 PELAGUS)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat

Bagi mencapai matlamat PCDS 2030 dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, sejauh manakah Kementerian memperkasakan Pendidikan STEM dan latihan TVET di bahagian Kapit agar belia dari kawasan DUN berdekatan tidak ketinggalan dalam ekonomi digital?

43. YB ENCIK JOHNNY PANG LEONG MING (N.68 TANJONG BATU)

To ask the Minister for Public Health, Housing and Local Government

With construction costs rising by about 40%, what plans does the government have to ensure housing affordability in Bintulu, particularly for first-time homebuyers?

44. YB DATO PAULUS PALU GUMBANG (N.80 BATU DANAU)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Apakah jenis produk yang akan diproses (diusahakan) di Collection and Processing Centre (CPC), Kubong Limbang dan bilakah ia dijangka mulai beroperasi?

45. YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)

To ask Minister for Utility and Telecommunication

The progress of implementation of projects presently undertaken to improve water supply system by implementing replacement and upgrade projects for aging pipes: the 28-km in Kuching City and 20-km for Green Road and its vicinity.

46. YB ENCIK KENNEDY CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Apakah impak konflik geopolitik antara Amerika Syarikat, Israel dan Iran terhadap ekonomi Sarawak, khususnya dari segi kenaikan harga minyak, kos sara hidup dan kestabilan bekalan tenaga?

47. YB ENCIK AZIZUL ANNUAR BIN PEHIN SRI HAJI ADENAN (N.3 TANJONG DATU)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat

Adakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk memperluaskan Skim Pendidikan Tinggi Percuma (FTES) kepada pelajar Sarawak di IPTA secara kaedah bersubsidi?

48. YB DATO DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Ingin tahu perkembangan terkini usaha dan kerja-kerja membaik pulih lebih 25 jambatan sepanjang jalan dari pekan Lapok ke Bario. Kenapa kerja baikpulihan ini amat penting dalam ekosistem kehidupan penduduk Baram dan orang luar?

49. YB DATO SRI WONG SOON KOH (N.53 BAWANG ASSAN)

To ask the Minister for Finance and New Economy

Kindly update this August House on the latest negotiations with the Federal Government of Malaysia regarding Sarawak's entitlements under the Malaysia Agreement 1963, particularly in relation to increased revenue share and fiscal autonomy?

50. YB IR. CHRISTOPHER GIRA @ GIRA ANAK SAMBANG (N.59 TAMIN)

Bertanya kepada Menteri Utiliti dan Telekomunikasi

Apakah status projek bekalan air di Selangau, Stapang dan Sekuau, dimana projek ini telah diluluskan peruntukkan beberapa tahun yang lepas dan bilakah masalah bekalan air yang berlarutan ini akan diselesaikan sepenuhnya?

51. YB DR SIMON SINANG @ SINANG ANAK BADA (N.21 TEBEDU)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Didapati masalah penyakit Rabies masih wujud di Sarawak. Apakah pelan tindakan yang telah diambil dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk membasmi Penyakit ini?

52. YB ENCIK ALLAN SIDEN GRAMONG (N.50 MACHAN)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Apakah status kelulusan terkini bagi 3 projek yang telah dihantar kepada pihak SDMC di bawah Bencana Programme iaitu pertama adalah Jalan Machan-Pekan Machan, kedua adalah Jalan Bukong-Jagoi-Lesih dan yang ketiga Jalan Kanowit-Song?

53. YB ENCIK BILLY ANAK SUJANG (N.1 OPAR)

Bertanya kepada Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan

Saya telah mengutarakan agar Jalanraya ke Kampung Pasir Tengah dinaiktaraf dengan kadar segera namun belum ada perubahan. Apakah pihak Kementerian sudah ada perancangan?

54. YB ENCIK ADAM YII SIEW SANG (N.74 PUJUT)

To ask the Minister for Education, Innovation and Talent Development

Are there any specific initiatives by the Sarawak Government to support students who are selected to represent their schools, districts, or Sarawak in academic, sports, or co-curricular competitions, particularly in terms of financial assistance and logistical support?

55. YB DATO MIRO ANAK SIMUH (N.18 SEREMBU)

To ask Minister for Utility and Telecommunication

What support is given to private sector operators building with parking lots to encourage them to install charging station for EV?

56. YB ENCIK JOHNNY PANG LEONG MING (N.68 TANJONG BATU)

To ask Minister for Food Industry, Commodity and Regional Development

In view of global conflicts and economic uncertainties, is Sarawak's food security sufficient to prevent disruptions in supply and rising costs of basic necessities affecting the rakyat?

57. YB ENCIK KENNEDY CHUKPAI UGON (N.66 MURUM)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Apakah pelan pembangunan jangka panjang kerajaan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk di Skim Penempatan Semula seperti Bakun dan Murum? Adakah terdapat pelan khusus untuk menjadikan kawasan ini sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baharu?

58. YB ENCIK ANYI ANAK JANA (N.49 NGEMAH)

Bertanya kepada Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan

Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan penglibatan aktif komuniti luar bandar dalam industri kreatif Sarawak?

59. YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN DURI (N.38 KALAKA)

Bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat

Merujuk kepada keadaan SK Haji Bollah Kaba yang semakin uzur dan berbahaya kepada guru serta murid, apakah komitmen Kerajaan untuk mempercepatkan kerja-kerja naik taraf bangunan dan asrama yang telah lama tertangguh?

60. YB ENCIK SEE CHEE HOW (N.11 BATU LINTANG)

To ask Minister for Utility and Telecommunication

The number of reported vandalism cases concerning utility facilities and telecommunication infrastructures in Sarawak and the estimated losses of each sector for the last 3 years. What amendments are proposed to the Second-Hand Dealers Act 1946 to curb such vandalism?

61. YB ENCIK BILLY ANAK SUJANG (N.1 OPAR)

Bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah

Apakah perancangan dan komitmen Kementerian untuk memastikan sawah-sawah padi ini setanding dengan skim penanaman padi yang lain di Sarawak?

- a) Kampung Tebero.
- b) Kampung Sedaing.
- c) Kampung Rukam.
- d) Kampung Jugan.
- e) Kampung Biawak.
- f) Kampung Jangkar.
- g) Kampung Sebako.

62. YB DATO DENNIS NGAU (N.77 TELANG USAN)

Bertanya kepada Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan

Adakah terdapat kajian jenis sukan yang sesuai diberi tumpuan di SMK Long Bedian, SMK Long Long Lama dan SMK Temenggung Datuk Lawai Jau Long San dengan menggunakan bentuk fizikal remaja Penan, Kayan dan Kenyah?

63. YB ENCIK JOHNIHAL RAYONG ANAK NGIPA (N.33 ENKGILILI)

Bertanya kepada Premier Sarawak

Apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi kenaikan harga barang dan menaikkan harga minyak ekoran peperangan yang meletus di timur tengah baru-baru ini?

4. Rang Undang-Undang Kerajaan – Bacaan Kali Yang Pertama

- (a) Supplementary Supply (2025) Bill, 2026
- (b) Supplementary Supply (2026) Bill, 2026
- (c) Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026
- (d) Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Amendment) Bill, 2026

5. Rang Undang-Undang Kerajaan – Bacaan Kali Yang Kedua

Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.69 Kemena

(YB Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom)

6. Rang Undang-Undang Kerajaan – Bacaan Kali Yang Ketiga

Sarawak Padi and Rice Board Bill, 2026

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.69 Kemena

(YB Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom)

7. Rang Undang-Undang Kerajaan – Bacaan Kali Yang Kedua

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Amendment) Bill, 2026

Timbalan Premier; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

8. Rang Undang-Undang Kerajaan – Bacaan Kali Yang Ketiga

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (Amendment) Bill, 2026

Timbalan Premier; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)

9. Penangguhan Mesyuarat.